

PM berhak tegur tingkah laku hakim: Dr Rais

12 JUN 2001

Oleh M Noh Senan

JELEBU, Selasa – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai hak untuk membuat teguran terhadap tingkah laku hakim yang mencemarkkan imej badan kehakiman negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, berkata oleh itu pandangan atau teguran itu tidak seharusnya disalah anggap sebagai campur tangan Perdana Menteri dalam urusan badan berkenaan.

“Ini perlu difahami oleh semua pihak dan mengapa saya katakan Dr Mahathir boleh buat begitu kerana ini adalah fungsinya sebagai Perdana Menteri yang mengemukakan cadangan pelantikan hakim dan pesuruhjaya kehakiman selaras dengan Perka 125 dalam Perlembagaan.

“Oleh itu, saya harap Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah, mengambil iktibar daripada apa yang disebutkan oleh Perdana Menteri dan membaiki serambinya, iaitu kehakiman itu sendiri.

“Cuma sekarang kita perlu mengambil langkah pencegahan supaya bidang kehakiman jelas mempunyai unsur berkecuali, adil dan tidak kena mengena

Teguran atau pandangan Dr Mahathir terhadap tingkah laku hakim tidak seharusnya disalah anggap sebagai campur tangan beliau dalam badan kehakiman

dengan urusan pentadbiran.

“Saya yakin kita akan berusaha kembali agar hakim benar-benar berkecuali tanpa menggunakan kedudukan untuk berpolitik atau memasukkan hujah anti-pentadbiran yang tidak ada kena mengena dengan penghakiman (di mahkamah),” katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jelevu menyatakan demikian selepas menutup Khemah Kerja Beliau Daerah Jelevu di Ulu Jelevu dekat sini dan menghadiri gotong-royong di Kampung Gagu, dekat sini, hari ini.

Rais diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri yang menyatakan Hakim Mahkamah tinggi Kota Kinabalu, Datuk Muhammad Kamil Awang, mencemarkan mahkamah selepas mendedahkan beliau menerima arahan menerusi telefon supaya menolak petisahan pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas.

Selepas merasmikan

Simposium Al Baraka ke-20 tajaan Kumpulan Dalah Al Baraka di Kuala Lumpur semalam, Perdana Menteri berkata, tindakan hakim itu menyebabkan rakyat menghadapi masalah mempercayai mahkamah.

Dr Mahathir berkata, Muhammad Kamil sepatutnya menarik diri daripada mendengar kes itu dan melaporkan beliau mempunyai masalah selepas menerima panggilan berkenaan.

Sambil bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri itu, Rais menyifatkan tindakan hakim berkenaan turut mencederakan usaha jabatannya dan badan kehakiman untuk memulihkan imej.

Dalam hubungan ini, beliau menyarankan Badan Kehakiman meneliti semula peruntukan kod etika yang diwujudkan untuk hakim dan di mana perlu dimasukkan peruntukan lain yang dapat meningkatkan imej badan itu sendiri supaya peristiwa Likas itu tidak berulang

pada masa depan.

Rais yang turut membidas ada pemimpin parti pembangkang yang membangkitkan isu berkenaan sehingga membingungkan rakyat menyifatkan orang seperti itu ‘biasanya bijak selepas sesuatu peristiwa berlaku’ kerana apa yang dilakukan oleh hakim yang akan bersara itu memang tidak diduga dengan meluahkan sentimen peribadi dan kekecewaannya disebabkan apa yang dihajati tidak diperolehi.

Beliau juga berkata, adalah kurang tepat hakim boleh menyatakan sesuka hati kerana badan kehakiman adalah bebas, tetapi apa ertinya jika soal peribadi dimasukkan dalam penghakiman sehingga mencemarkannya.

“Oleh itu, kes Likas yang mempunyai soal peribadi itu tidak boleh disamakan dengan penghakiman kes ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) oleh hakim Mahkamah Shah Alam yang menyebut akta itu sudah lapuk dan perlu dipinda.

“Orang ramai boleh menerima penghakiman kes ISA itu dengan menganggapnya selari dengan kebebasan badan kehakiman dan sesuatu yang tidak terkeluar daripada realiti penghakiman,” katanya.